

Media Title : Berita Harian
Headline : Waspada sindiket buru mangsa jadi 'keldai akaun'
Date : 18 May 2023
Section : Komentari
Page : 11



Waspada sindiket buru mangsa jadi 'keldai akaun'



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Sepanjang 2023, lebih 25,000 kes jenayah penipuan dalam talian dicatatkan membabitkan kerugian kira-kira RM850 juta. Antara faktor penyumbang kepada kegiatan itu adalah kewujudan akaun keldai atau *mule account*.

Menurut Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Datuk Seri Mustafar Ali, faktor menyebabkan jumlah kerugian akibat sindiket penipuan dalam talian adalah kewujudan akaun keldai 'dibeli' dengan tawaran RM500 seorang kepada pemilik

asal akaun itu untuk memindahkan wang haram.

Modus operandi mudah, wang mangsa penipuan akan dimasukkan ke dalam akaun keldai sebelum dipindahkan ke beberapa akaun lain dan akhirnya dikeluarkan dalam tempoh singkat menyebabkan ia sukar dijejaki.

Keldai akaun merujuk kepada perbuatan individu merelakan akaun banknya diberi kepada pihak lain untuk dijadikan tempat 'transit' wang mangsa penipuan sebelum wang itu dikeluarkan atau dimasukkan ke akaun sindiket berkenaan. Sindiket ini sangat licik dalam mengenal pasti

kumpulan sasaran mereka yang boleh dijadikan sebagai keldai akaun.

Hasil siasatan pihak berkuasa selama ini mendedahkan, orang lembam, penagih dadah, pesara, mereka yang mempunyai rekod lampau dengan bank, individu sedang mencari pekerjaan, tiada pekerjaan tetap, suri rumah, mahasiswa dan pekerja sosial adalah individu menjadi sasaran utama sindiket ini.

Golongan ini dikatakan menjadi sasaran mudah berikutan keinginan untuk mendapatkan wang dengan senang serta pantas, selain tidak mempunyai pendapatan tetap, terdesak mahu menggunakan wang dan terpedaya.

Masyarakat perlu peka

Justeru, untuk mengelak menjadi mangsa sindiket terancang ini, anggota masyarakat terlebih dahulu perlu peka dan memahami modus operandi sering mereka gunakan untuk memujuk dan memerangkap mangsa menjadi keldai akaun.

Antara taktik licik sindiket ini ialah, mangsa dipujuk menyerahkan kad ATM dan nombor pin dengan beberapa tujuan seperti kononnya membantu urusan perniagaan atau dengan tujuan kononnya untuk membuat potongan bayaran bulanan.

Ada juga situasi mangsa membuat pengik-

lanan penjualan barang menerusi internet dan 'pembeli' menggunakan akaun milik suspek untuk memasukkan wang penipuan dari mangsa lain.

Selain itu, sindiket ini juga menggunakan kad ATM dan butiran peribadi daripada hasil ragut atau samun, terutama mangsa tidak membuat laporan polis selepas kejadian itu.

Ironinya hanya tahap kesedaran tinggi dalam kalangan masyarakat mampu mengekang sindiket ini mengambil peluang, memerangkap dan memanipulasi mangsa menjadi keldai akaun.

Justeru, setiap individu tidak boleh sama sekali mendedahkan maklumat akaun bank dan peribadi kepada pihak ketiga walau untuk apa tujuan sekalipun.

Jika pengguna mendapat ada jumlah wang dimasukkan ke dalam akaun bank tanpa diketahui sumbernya, ia perlu segera disemak dengan bank dan jika ada pihak menghubungi atau memaklumkan berlaku kesilapan pindahan wang dan meminta melakukan pindahan semula, ia perlu diabaikan.

Jika individu menjadi mangsa atau dihampiri ahli sindiket ini, laporkan segera kepada pihak berkuasa dan tidak mudah gelap mata dengan ganjaran ditawarkan apatah lagi membiarkan diri diperangkap menjadi keldai akaun.